

UTHM peruntuk RM2j bantu pelajar

6 7 22

Batu Pahat: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) memperuntukkan bantuan sebanyak RM2 juta kepada penuntut yang terkesan akibat kenaikan harga barang.

Naib Canselor UTHM, Profesor Dr Ruzairi Abdul Rahim berkata, pihaknya dalam usaha membantu meringankan beban penuntut melalui beberapa pemberian insentif bantuan yang disediakan pihak universiti di bawah Kluster UTHM Prihatin.

"Antara bentuk bantuan yang disediakan adalah Program Sabil Al-Hikmah, Program Food@Campus, Food Bank Siswa di setiap Kolej Kediaman, program 'Nasi Bajet', bantuan zakat, bantuan 'Dana Ihsan,' serta pelan data dan alat peranti.

"Sehingga Jun lalu, pihak universiti sudah membelanjakan lebih RM1 juta khusus kepada penuntut berkeperluan.

"Dengan pemberian bantuan itu, UTHM berharap dapat membantu meringankan beban kos sara hidup sepanjang tempoh pengajian di kampus," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Di samping itu, Ruzairi juga berkata, seperti yang diumumkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam satu kenyataan baru-baru ini, UTHM juga bersejua melaksanakan moratorium bayaran sewaan selama enam bulan mulai Julai 2022 kepada pengusaha dan penyedia perkhidmatan makanan di dalam kampus.